

Rawatan

Setakat ini tiada rawatan yang khusus untuk demam denggi.

1. RAWATAN DEMAM DENGGI KLASIKAL

Rawatan yang diberi adalah untuk menstabilkan pesakit iaitu :

- a. Mengurangkan demam (suhu badan)
- b. Mengelakkan dari pendarahan berlaku

2. RAWATAN DEMAM DENGGI BERDARAH

- a. Pesakit digalakkan meminum air yang banyak untuk mengatasi dehidrasi (tubuh kehilangan cecair) akibat demam yang kuat, kehilangan selera makan dan muntah.
- b. Demam perlu dikawal dengan pengambilan ubat *antipyretic* (mengurang demam). Demam yang sangat kuat meningkatkan risiko terjadinya sawan.
- c. Pesakit juga diawasi supaya gejala pendarahan dan sawan dapat dikesan awal. Masa yang paling genting ialah hari ke 3 hingga hari ke 7.
- d. Pemberian aliran intravena perlu jika sekiranya kiraan *hematokrit meningkat kerana ia menggambarkan darjah kehilangan plasma.

*(Hematokrit ialah ujian darah untuk mengira peratus isipadu sel darah merah dalam keseluruhan darah pesakit)

Gigitan
Maut!

